

# Bantu pelarian Syria di Lubnan

**Nilai:** Sekumpulan mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjayakan misi kemanusiaan untuk pelarian Syria yang mendapat perlindungan di Lubnan.

Program di bawah Global Islamic Student Outreach (GISO) USIM itu disertai 11 mahasiswa tahun akhir Fakulti Sains dan Teknologi (FST).

Dekan FST, Prof Dr Norita Md Norwawi, berkata aktiviti utama adalah pengagihan dana kemanusiaan berjumlah hampir RM100,000 hasil sumbangan rakyat Malaysia yang prihatin dengan nasib menimpa pelarian Syria.

Beliau berkata, sebanyak empat lokasi kem pelarian dilawati kumpulan GISO USIM untuk mengagihkan sumbangan

berkenaan iaitu satu kem di Katermaya dan selebihnya di Biqaa selain kawasan penempatan pelarian miskin seperti di Alitah-fich serta pusat jagaan anak yatim dan miskin.

"Sumbangan terdiri daripada barangan keperluan harian seperti selimut, makanan asas, pakaian tidur tebal, pakaian musim sejuk, mesin basuh, alat tulis, permainan dan kerosin untuk dijadikan alat pemanas selain sumbangan kewangan dan keperluan perubahan.

## Bantuan pendidikan

"Selain itu, aspek bantuan pendidikan turut diberi perhatian apabila kami berpeluang mengunjungi sebuah sekolah dan dua universiti iaitu Aljnan University dan Arts,

Science and Technology University," katanya yang juga menjadi pegawai pengiring bagi program berkenaan.

Penganjuran program kali ini turut mendapat kerjasama Malaysia Life Line for Syria, Global Peace Mission Malaysia dan Angkatan Belia Islam Malaysia.

GISO USIM diperkenalkan pada tahun 2011 dengan memfokuskan kepada pengisian libat-sama komuniti membabitkan pemindahan dan perkongsian ilmu antara mahasiswa USIM dengan komuniti Islam di luar negara.

Sehingga kini, sejumlah 112 pengembaraan GISO dilaksanakan di 18 negara membabitkan penyertaan 2,233 pelajar.



Beberapa kanak-kanak pelarian Syria gembira menerima sumbangan.



Seorang pelarian menerima sumbangan.



Peserta GISO USIM di Lubnan bergambar kenangan.



Peserta sempat bermesra bersama-sama kanak-kanak pelarian Syria.